

Implikasi Kemungkiran Pertunangan

Oleh:

Hazlina Mohd Padil (hazli6749@uitm.edu.my)

&

Noorsaliza Amin Nudin (noorsaliza9648@uitm.edu.my)



Bertunang merupakan antara langkah awal yang diambil oleh bakal suami dan bakal isteri sebelum memeterai pernikahan mereka melalui suatu akad. Perikatan pertunangan yang selalunya disaksikan oleh keluarga kedua-dua belah pihak ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara mereka selain sebagai suatu hebahan kepada masyarakat mengenai hasrat kedua-dua pihak lelaki dan perempuan untuk berkahwin.

Pertunangan merupakan suatu perjanjian di antara lelaki dan perempuan yang berkapsiti memasuki sesuatu kontrak perkahwinan. Oleh itu, apabila berlaku pertunangan adalah haram bagi pihak lain yang berhasrat untuk meminang perempuan itu meneruskan peminangannya kerana ianya akan dianggap mencerooboh hak peminang yang pertama. Begitu juga adalah haram bagi perempuan yang telah menerima pinangan untuk menerima pinangan yang kedua melainkan pertunangan yang pertama telah dibatalkan atau ditolak. Oleh itu, ianya jelas menunjukkan bahawa apabila satu pasangan telah bertunang, mereka terikat dengan perjanjian.

Pada dasarnya apabila berlaku suatu perjanjian pertunangan, mana-mana pihak tidak boleh dengan sewenang-wenangnya membatalkan pertunangan kerana ia boleh dianggap sebagai pelanggaran perjanjian melainkan dengan sebab yang munasabah atau pertunangan tersebut akan memudarat mana-mana pihak sekiranya diteruskan dengan perkahwinan. Ini kerana Allah SWT telah mengingatkan hambanya untuk melaksanakan janji yang telah dipersetujui sebagaimana firman Allah SWT di dalam **Surah al-Isra' ayat 34** yang bermaksud, *".. dan tepatilah perjanjian sesungguhnya perjanjian itu pasti dipertanggung-jawabkan"*.






Rasulullah SAW juga telah berpesan (menurut Hadis Riwayat Ahmad, Ibn Hibban, al-Hakim dan al-Baihaqi daripada 'Ubadah bin al-Somit) sebagaimana sabda Baginda SAW yang bermaksud,

"Berilah oleh kamu jaminan kepadaku terhadap enam perkara dari dirimu sendiri (untuk lakukannya) nescaya aku jamin syurga bagi kamu iaitu: berlaku benarlah jika kamu berbicara, laksanakanlah jika kamu berjanji, tunaikanlah jika kamu diberi amanah, peliharalah kemaluan kamu, tunduklah pandangan matamu dan tahanlah kedua tanganmu dari berbuat dosa."

Berdasarkan kepada firman Allah SWT dan sabda Rasulullah SAW tersebut jelas menunjukkan bahawa perjanjian yang dimeterai melalui pertunangan itu adalah suatu obligasi yang mengikat kedua-dua belah pihak. Ini kerana kemungkiran pertunangan boleh membawa kepada kerugian kepada pihak-pihak terlibat seperti wang ringgit, masa dan juga tenaga. Ianya juga boleh menjejaskan hubungan di antara kedua belah pihak selain berkemungkinan menimbulkan kesan emosi atau perasaan dendam di antara pihak-pihak. Selain daripada itu, kehormatan mana-mana pihak perlulah dijaga agar masyarakat tidak memandang serong kepada mereka. Sebaiknya pihak yang memungkiri perjanjian haruslah membayar ganti rugi sekiranya pembatalan pertunangan tersebut mengakibatkan kerugian seperti kos majlis pertunangan, kos hadiah, kos persiapan perkahwinan atau apa-apa sahaja kos yang terlibat.

Di dalam persoalan mengenai kerugian, terdapat beberapa pendapat mengenainya di dalam Hukum Syarak. Menurut Al-Zuhaili (2001), **mazhab Hanafi** telah menetapkan bahawa sekiranya hadiah masih sempurna, pemberi boleh meminta balik hadiah tersebut. Sebaliknya, jika hadiah tersebut sudah tiada, maka tiada hak untuk meminta balik hadiah yang telah diberi. Berbeza dengan **mazhab Maliki**, sekiranya kemungkiran pertunangan adalah daripada pihak lelaki, dia tidak berhak meminta balik hadiah. Sebaliknya, sekiranya kemungkiran janji adalah daripada pihak perempuan, pihak lelaki berhak mengambil semula hadiah yang diberi. Bagi **mazhab Shafi'e** pula, hadiah hendaklah dikembalikan jika masih wujud tetapi sekiranya barang sudah tiada, perlulah diganti dengan harga yang setimpal. Sebagai contoh, memulangkan cincin pertunangan yang telah diberikan semasa bertunang.



Bagi umat Islam di Malaysia, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati akibat kemungkiran pertunangan boleh mengambil tindakan sivil di Mahkamah Syariah. Menurut **Seksyen 15 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984**, *"Jika seseorang mengikat suatu pertunangan mengikut Hukum Syarak, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan sama ada secara bersendirian atau melalui seorang perantaraan, dan kemudiannya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi itu tanpa apa-apa sebab yang sah manakala pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggung memulangkan pemberian pertunangan, jika ada, atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau untuk pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu, dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam Mahkamah."*

Peruntukan yang hampir sama juga terdapat di dalam undang-undang keluarga Islam seperti **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983**, **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003**, **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003** dan enakmen di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Ini jelas menunjukkan bahawa kemungkiran pertunangan adalah perkara yang tidak boleh dianggap remeh kerana berdasarkan kepada undang-undang keluarga Islam, ianya adalah suatu perjanjian yang mengikat kedua-dua belah pihak dan terdapat pihak yang terpaksa menanggung kerugian akibat pembatalan pertunangan tersebut.

Di dalam kes **Salbiah binti Othman lawan Haji Ahmad bin Abdul Ghani (JH XXI BHG.1 Safar 1427H/Mac 2007, h.114-121)**, Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah memutuskan bahawa defendan (Haji Ahmad bin Abdul Ghani) telah mungkir janji pertunangan apabila menarik diri (melalui wakilnya) daripada ikatan pertunangan tanpa sebab yang munasabah dan pembatalan pertunangan tersebut adalah sah di sisi Hukum Syarak.

Setelah mengambilkira tuntutan perbelanjaan plaintif (Salbiah binti Othman) untuk pertunangan dan persiapan perkahwinan, Hakim telah meluluskan tuntutan ganti rugi perbelanjaan sebanyak RM6,277.00.

Selain itu, di dalam kes **Aishah binti Mahmud lawan Jamaludin bin Sulaiman (JH XX BHG.1 Sya'ban 1426/September 2005, h.1-20)**, Mahkamah Syariah Negeri Kedah telah membuat perintah kepada defendan (Jamaludin bin Sulaiman) untuk membayar ganti rugi sebanyak RM1,249 yang mana jumlah tersebut termasuk kerugian membaiki rumah untuk persiapan perkahwinan. Di dalam kes itu juga, Yang Arif Hakim telah membuat perintah bahawa cincin pertunangan tetap menjadi milik plaintif (Aishah binti Mahmud).

Kes-kes tersebut jelas menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah telah mengikut ketetapan **mazhab Shafi'e** dalam membuat sesuatu keputusan. Kemungkiran pertunangan tidak boleh dianggap mudah kerana sesuatu pertunangan melibatkan orang Islam adalah dilindungi oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Kewujudan Mahkamah Syariah adalah bertujuan untuk melindungi umat Islam dengan mendengar sebarang tuntutan melibatkan umat Islam di Malaysia meskipun terhad kepada isu-isu melibatkan hal ehwal keluarga Islam seperti pertunangan, perkahwinan, perceraian, tuntutan hak penjagaan anak dan sebagainya, selaras dengan bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah (Bahari, 2019) yang termaktub di dalam peruntukan Perkara 121(1A) (Latif, 2009) dan Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan.

Di dalam mana-mana keadaan, adalah elok bagi pihak-pihak yang terlibat berbincang dengan baik apabila berlaku kemungkiran perjanjian pertunangan sebagaimana mereka berbincang semasa hendak bertunang. Perbincangan tersebut sebaiknya membincangkan mengenai segala perbelanjaan yang telah dikeluarkan dan juga ganti rugi yang perlu dibuat. Ini akan membantu mengurangkan ketidakpuasan hati pihak-pihak apabila berlakunya pembatalan pertunangan. Sekurang-kurangnya tiada perasaan malu atau dendam yang boleh membawa kemudaratan. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak-pihak gagal mencapai kata sepakat, seeloknya diserahkan kepada yang lebih arif iaitu Mahkamah Syariah agar satu keputusan dapat dibuat dengan adil.

Rujukan

- Aishah binti Mahmud lawan Jamaludin bin Sulaiman (JH XX BHG.1 Sya'ban 1426/September 2005, h.1-20)
 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
 Al-Zuhaili, W. (2001). *Fiqh & Perundangan Islam*, Jilid VII. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
 Bahari, N. (2019). Penggubalan dan Peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis. *Jurnal Syariah*, 6, 9-22. Diakses daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22963>
 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003
 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983
 Latif, H. H. M. (2009). Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya Berdasarkan Faktor Sejarah Perundangan Tanah Melayu. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 5, 22-47
 Salbiah binti Othman lawan Haji Ahmad bin Abdul Ghani (JH XXI BHG.1 Safar 1427H/Mac 2007, h.114-121)